

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

3. Apakah jaminan Kerajaan Negeri untuk memastikan rumah yang bakal dibina mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan Rumah Mampu Milik yang dibina dapat disampaikan kepada rakyat Pulau Pinang yang layak mengikut kategori rumah yang dipohon. Melalui penguatkuasaan Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah, bekalan RMM A dan B dapat disediakan secara fizikal. Had harga maksima RMM A dengan keluasan minima 650 kaki persegi ditetapkan pada harga RM42,000, manakala had harga maksima RMM B dengan keluasan 700 kaki persegi ditetapkan pada harga RM72,500. Tanpa mengambilkira kos tanah terutama di Kawasan Pulau dan kawasan bandar, kos pembinaan seunit RMM A dan B boleh mencecah harga sebanyak RM100,000 ke RM140,000. Namun Kerajaan Negeri masih bertegas dengan had siling RMM A dan B walaupun ada negeri lain telah meningkatkan harga kepada RM60,000 dan RM100,000 seunit. Selain itu, pendapatan isi rumah maksima bagi pemohon yang layak RMM A ditetapkan pada RM2,500 sebulan, manakala RMM B ditetapkan pada RM3,500 sebulan. Jika diperincikan juga RMM C dengan harga maksima RM300,000 di Kawasan Pulau dan RM250,000 di Seberang hanya layak dimohon oleh mereka yang berpendapatan kurang RM12,000.00 sebulan. Inilah iltizam dan usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan golongan berpendapatan rendah mampu memiliki kediaman sendiri. Sehingga kini usaha ini diterjemahkan oleh Kerajaan Negeri dengan sasaran penyediaan 180,000 unit

sedemikian selaras Visi Pulau Pinang 2030 dimana 105,719 RMM merangkumi siap 30,191 unit (RMM A -15,288 , RMM B -12,528 dan RMM C -2,375), dalam pembinaan 24,096 unit ( RMM A -3,323 , RMM B -4,532 dan RMM C -16,241) dan perancangan 51,432 unit (RMM A -7,962 , RMM B -9,514 dan RMM C -33,956).